

Covid: LLM, PSKLM serah sumbangan

UM 25/2/2021 m/s 36

PETALING JAYA: Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Persatuan Syarikat Konsepsi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) menyampai sumbangan makanan dan minuman kepada 1,500 petugas barisan hadapan yang bertugas di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Yang Dipertua PSKLM, Datuk Azman Ismail berkata, sumbangan tersebut bukanlah yang pertama untuk persatuan itu kerana mereka turut menyumbangkan kepada Tabung Covid-19 sebelum ini.

"Malahan, syarikat-syarikat konsepsi lebuhraya yang juga merupakan ahli PSKLM, secara individu telah menyumbangkan peralatan perubahan serta peralatan perlindungan diri (PPE) kepada hospital-hospital terpilih.

"Ini termasuk sumbangan



MAJLIS penyampaian sumbangan makanan dan minuman oleh LLM dan PSKLM kepada petugas kesihatan di MAEPS, Serdang, kelmarin.

makanan dan minuman kepada petugas barisan hadapan di sekatan jalan raya (SJR) di plaza tol, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya," katanya dalam

kenyataan dekat sini semalam. Sumbangan tersebut disampaikan oleh Pengerusi LLM, Datuk Abdul Rasyid Asari bersama Ketua Pengarahnya, Datuk Ir.

Mohd. Shuhaimi Hassan dan Azman kepada Pengarah PKRC, Dr. Shahabuddin Ibrahim, kelmarin.

Menurut Mohd. Shuhaimi, pihaknya memahami cabaran dan pengorbanan semua petugas barisan hadapan seperti kakitangan perubahan dan keselamatan dalam menghadapi pandemik.

Kata beliau, industri lebuhraya yang diterajui LLM telah memainkan perannya dalam menguruskan dan menghadapi pandemik tersebut.

Contoh terbaharu, infrastruktur lebuhraya turut memainkan peranan sebagai laluan utama pengangkutan vaksin Covid-19 ke seluruh negara sejak ia tiba di negara ini pada 21 Februari lalu.

"Mungkin ramai yang tidak sedar, tentang pentingnya industri infrastruktur lebuhraya dalam membantu negara dan kerajaan menghadapi pandemik Covid-19," katanya.